

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]**

TARIKH : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN :

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) apakah rasional Kementerian menghadkan keluasan tanaman sawit negara kepada 6.5 juta hektar menjelang 2023; dan
- (b) adakah tindakan menghadkan keluasan itu akan menjejaskan pendapatan lebih 500,000 pekebun kecil dan ekonomi negara.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di-Pertua,

Aktiviti penanaman sawit negara sering menerima persepsi negatif apabila dikaitkan sebagai salah satu penyumbang terbesar kepada penyahhutan dan kemusnahan habitat serta biodiversiti negara. Perkaitan ini telah dijadikan asas kepada kempen anti-minyak sawit yang giat dilaksanakan bagi menyekat dan memboikot penggunaan dan kemasukan minyak sawit negara. Langkah yang diambil oleh Eropah ini adalah amat membimbangkan berikutan pengaruhnya yang kuat kepada negara lain.

Berdasarkan rekod, kawasan penanaman sawit di Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak 11.84% iaitu 5.23 juta hektar pada tahun 2013

kepada 5.85 juta hektar pada tahun 2018. Dalam tempoh tersebut, kadar purata peningkatan keluasan penanaman sawit adalah sebanyak 2.27%. Oleh itu, keluasan tanaman sawit dijangka akan terus meningkat sehingga 6.5 juta hektar pada tahun 2023.

Justeru, selari dengan pendirian Kerajaan yang telah memandatorikan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) pada 1 Januari 2020, penetapan had 6.5 juta hektar adalah salah satu usaha Kerajaan dalam memastikan minyak sawit yang dihasilkan adalah secara mampan dengan mengambil kira keseluruhan keluasan kawasan bagi tanaman pertanian yang semakin terhad serta komitmen negara dalam memastikan sekurang-kurangnya 50% litupan kawasan hutan terpelihara.

JAWAPAN (b):

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengambil kira tuduhan berterusan oleh negara luar yang mengaitkan industri sawit dengan penyahhutan dan kemusnahan biodiversiti, tindakan Kerajaan menetapkan had keluasan tanaman sawit pada 6.5 juta hektar adalah bagi memastikan industri sawit tidak lagi dikaitkan isu penyahhutan.

Tindakan menghadkan keluasan tersebut diyakini tidak akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan ekonomi negara kerana Kerajaan yakin dengan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sedang dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), produktiviti pengeluaran hasil sawit dapat ditingkatkan melalui sumber sedia ada dengan menggunakan teknik dan mekanisme yang lebih baik. Aktiviti peluasan penanaman baru bukanlah langkah utama yang efektif dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

Sekian, terima kasih.